



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 24 APRIL 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3.	40 TONNES OF FROZEN PRAWNS SEIZED IN PORT KLANG, NEWS IN BRIEF, NST -13 MAQIS RAMPAS 48 TAN UDANG IRAN, LOKAL, HM -13 UDANG IRAN HAMPIR RM1 JUTA DIRAMPAS, NASIONAL, BH -21	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4. 5.	10 DAERAH DI SABAH TERJEJAS DEMAM ASF, HM -ONLINE LAPAN DAERAH DI SABAH DIISYTIHAR KAWASAN WABAK ASF, UTUSAN BORNEO -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
6.	AGIHAN BENIH PADI SECARA BERPERINGKAT, NASIONAL, BH -9	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
7.	FAMA SERAH BUBUR LAMBUK, KOMUNITI KITA, KOSMO -32	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	KWP BANTU GELANDANGAN JADI USAHAWAN TANI BERJAYA, NEWS, WILAYAHKU -2	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
9.	KPDNHEP TAMBAH SEHINGGA 33 JENIS BARANG TERKAWAL SEMPENA AIDILFITRI, NASIONAL, SH -13	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2021	NST	NEWS IN BRIEF	13

## 40 tonnes of frozen prawns seized in Port Klang

**SHAH ALAM:** The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) seized 40 tonnes of frozen prawns from Iran in Port Klang on Wednesday. Selangor Maqis director Zamri Hashim said the prawns, worth RM972,305.83, which were found to have been imported without a valid permit, were seized from two containers during routine checks at 12.30pm. He said the case was being investigated under Section 11(1) of the Quarantine and Inspection Services Act 2011 [Act 728]. "Those found guilty could be fined not exceeding RM100,000 or jailed for up to six years, or both." Zamri said Maqis would continue to inspect agricultural products brought into the country to ensure they comply with the government's rules and regulations. **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2021	HARIAN METRO	LOKAL	13

**Pelabuhan Klang:** Sejumlah 48 tan udang dari Iran bernilai lebih RM972,000 dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor di Tapak Pemeriksaan Kontena, Gudang CFS 2 di Pelabuhan Klang Barat di sini, Rabu lalu.

Pengarahnya, Zamri Hashim berkata, pemeriksaan rutin pihaknya jam 12.30 tengah hari menemui dua kontena membawa 4,000 kotak udang sejuk beku tanpa permit import sah.

"Siasatan mendapati, kontena membawa udang putih sejuk beku itu berada di pelabuhan sejak 8 April lalu dan dibawa masuk oleh sebuah syarikat tempatan.

"Siasatan lanjut juga mendapati, udang terbabit

## Maqis rampas 48 tan udang Iran



MAQIS Selangor merampas udang dari Iran.

dibawa masuk hanya untuk proses dibuang kulit sahaja, dan akan dihantar ke negara asal sebaik selesai proses terbabit.

"Semua dagangan terbabit ditahan untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya sekali.

24/4/2021

BERITA  
HARIAN

NASIONAL

21

# Udang Iran hampir RM1 juta dirampas

**Siasatan dapati  
produk transit  
di Malaysia  
untuk buang kulit**

Oleh **Kuwalda Md Zain**  
bhnews@bh.com.my

**Pelabuhan Klang:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor menahan dan merampas 48 tan udang dari Iran di Tapak

Pemeriksaan Kontena, Gudang CFS 2 Pelabuhan Klang Barat, di sini.

Pengarah MAQIS Selangor, Zamri Hashim berkata, hasil pemeriksaan rutin pihaknya pada jam 12.30 tengah hari Rabu lalu, mendapati dua kontena mengandungi 4,000 kotak udang sejuk beku tanpa permit import (AP) sah.

"Siasatan mendapati, kontena yang membawa udang putih sejuk beku itu berada di pelabuhan sejak 8 April lalu dan dibawa masuk sebuah syarikat tempatan.

"Udang terbabit dibawa masuk

hanya untuk proses dibuang kulit sahaja dan akan dihantar ke negara asal sebaik selesai proses terbabit.

Semua dagangan bernilai kira-kira RM972,305.83 ditahan untuk tindakan lanjut MAQIS," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Zamri berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda maksimum RM100,000 atau penjara sehingga enam tahun atau kedua-duanya," katanya.



Kontena yang mengandungi 4,000 kotak udang sejuk beku tanpa permit import sah di Pelabuhan Klang Barat, semalam. (Foto Ihsan MAQIS)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

## 10 daerah di Sabah terjejas demam ASF



Kota Kinabalu: Sepuluh daerah di Sabah terjejas akibat Demam Babi Afrika (ASF) dengan lapan daripadanya diisytihar sebagai kawasan wabak.

Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Pertanian dan Perikanan Negeri, Datuk Dr Jeffrey Kitingan berkata, daerah itu adalah Pitas, Beluran, Kinabatangan, Lahad Datu, Kota Marudu, Sandakan, Telupid dan Tongod selain Tawau dan Nabawan.

Katanya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (JPVS) mengesan satu kes aktif ASF di Nabawan, selepas 169 babi berjanggut liar telah dilaporkan positif ASF pada 18 April lalu.

"Setakat ini, kita telah memusnahkan 398 ekor babi, manakala 535 ekor pula mati disebabkan penyakit demam.

"Jabatan (JPVS) juga telah mengadakan 234 kempen kesedaran di 14 daerah yang bukan hanya bertujuan untuk mendidik orang awam mengenai penyakit terbabit, malah juga sebagai usaha mengelakkan ASF merebak.

"Walaupun Sandakan diisytiharkan sebagai daerah wabak ASF, nasib menyebelahi kita kerana ia tidak merebak ke ladang pengeluaran babi utama di daerah terbabit," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Susulan kes itu, Jeffrey berkata, kerajaan negeri melaksanakan peraturan baharu bagi melindungi babi komersial termasuk permit khas yang dikeluarkan JPVS untuk membolehkan babi hidup dan produk berasaskan ia dipindahkan dari satu kawasan ke kawasan lain.

"Mengikut prosedur operasi standard (SOP) kawalan ASF yang baharu, mana-mana kedai yang menjual daging babi yang didapati dijangkiti virus ASF akan ditutup selama satu hari untuk penyahtinjaan dan produk daging babi hanya akan dijual setelah disaring bebas ASF.

"Selain itu, penternakan babi yang disyaki menjadi sumber babi yang dijangkiti akan dikuarantin hingga tujuh hari untuk membantu siasatan," katanya.

Beliau bagaimanapun menegaskan bahawa virus itu hanya membawa maut kepada babi, namun tidak berbahaya kepada manusia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## Lapan daerah di Sabah diisytihar kawasan wabak ASF



KOTA KINABALU: Lapan daerah iaitu Pitas, Beluran, Kinabatangan, Lahad Datu, Kota Marudu, Sandakan, Telupid dan Tongod disytiharkan sebagai kawasan penularan Demam Babi Afrika (ASF) di Sabah, kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Jeffrey Kitingan.

Kitingan, yang juga Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah berkata jangkitan virus ASF yang menyerang ternakan babi dan babi hutan itu turut dikesan di Tawau dan Nabawan, namun kedua-dua daerah ini belum diisytiharkan sebagai kawasan wabak.

Beliau berkata setakat 18 Aprili lepas, sejumlah 398 babi telah dilupuskan sementara 535 ekor lagi mati disebabkan ASF.

"Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (JPVS) telah menjalankan 234 kempen kesedaran di 14 daerah, yang bukan sahaja untuk mendidik masyarakat tentang penyakit ini, tetapi juga menunjukkan usaha kerajaan dalam memastikan wabak ini tidak menular ke daerah lain.

"Walaupun Sandakan telah diisytiharkan sebagai kawasan wabak ASF, namun wabak ini belum lagi merebak ke ladang pengeluaran babi utama di daerah itu. Virus ASF ini hanya membawa maut kepada babi, namun ia tidak berbahaya kepada manusia," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kitingan berkata, JPVS telah melaksanakan peraturan baharu untuk melindungi babi komersial, termasuk mendapatkan permit khas daripada jabatan itu untuk membolehkan babi hidup dan produk babi dipindahkan dari satu kawasan ke kawasan lain.

"Gerai menjual daging babi yang dijangkiti virus ASF akan ditutup sehari untuk melaksanakan kerja-kerja kontaminasi dan pembersihan, manakala produk daging babi hanya akan dijual setelah disaring dan didapati bebas daripada virus ASF.

"Penternakan babi yang disyaki menjadi punca babi dijangkiti ASF pula akan dikuarantin sehingga tujuh hari untuk membantu siasatan," katanya. - BERNAMA

# Agihan benih padi secara berperingkat

**Fasa pertama selesai tak lama lagi, bekalan mencukupi untuk pesawah**

nald Khandee, berkata ketika ini fasa pertama penanaman padi sudah bermula dan pengagihan akan dilakukan sehingga hujung bulan ini.

"Pengagihan padi akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, iaitu sehingga 30 April ini, pertengahan dan sehingga akhir bulan depan.

"Fasa pertama akan selesai tidak lama lagi dan benih yang ada juga mencukupi," katanya pada Program Srikandi Muda Pemerkasaan Kepimpinan, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai reaksi terhadap laporan BH yang mendedahkan lebih 30,000 pesawah di empat kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berhadapan masalah tidak dapat memulakan proses me-

nam padi mulai 1 April lalu, berikutan belum menerima benih padi sah sehingga kini.

Ia berikutan pengedar tunggal benih padi, iaitu Perubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) didakwa gagal membekalkan benih padi sah ke kawasan MADA dan sebahagian besar skim tanaman padi di Semenanjung.

Jabatan Pertanian semalam turut mengumumkan sejumlah 26,353 tan benih padi sah sudah disediakan setakat Isnin lalu, bagi kegunaan pesawah di seluruh negara sehingga hujung bulan ini.

Jabatan berkenaan turut menjelaskan kuantiti itu mencukupi bagi keperluan pesawah termasuk pesawah di Kedah dan Perlis.

Pegawai Jabatan Pertanian tu-



Ronald pada Program Srikandi Muda Pemerkasaan Kepimpinan di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

rut dilaporkan sedang melakukan proses pengesahan benih padi dan jumlah keseluruhan benih yang dijangka diguna bagi musim tanaman 1/2021 adalah lebih 36,000 tan.

Difahamkan, pada musim ini, berlaku peningkatan permintaan

pada benih padi varieti MR 297 menyebabkan bekalmunya tidak mencukupi.

Namun begitu, terdapat varieti lain setanding varieti MR 297 iaitu MR 219, MR 220 CL 2, UKMRC-2, UKMRC-8, MR 269, MR 303, MR 307, MRQ76 dan MR 263.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2021	KOSMO	KOMUNITI KITA	32

## FAMA serah bubur lambuk

**KERJASAMA.** Sempena Pasar Tani Khas Pra Ramadan 2021, pengunjung daripada pelbagai kaum berpeluang merasai kenikmatan bubur lambuk secara percuma di Pasar Tani Jalan Petri, Sungai Petani, Kedah baru-baru ini.

Program penyerahan bubur lambuk itu adalah anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kuala Muda dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Peserta Pasar Tani

Daerah Kuala Muda.

Pegawai FAMA Kuala Muda, Mohd. Fauzi Hashim berkata, bubur lambuk diagihkan kepada setiap pengunjung bermula pukul 10.30 pagi oleh penaung persatuan tersebut, Datuk Shahanim Mohd. Yusoff selepas selesai kerja-kerja memasak melibatkan peserta selesai.

Turut hadir sama Timbalan Pengarah FAMA negeri, Hamzah Abdul Matheen.



**SHAHANIM** (kanan) menyerahkan bubur lambuk kepada seorang pengunjung sempena Program Pasar Tani Khas Pra Ramadan 2021 di Jalan Petri Sungai Petani baru-baru ini.



Headline	KWP bantu gelandangan jadi usahawan tani berjaya		
MediaTitle	Wilayahku		
Date	24 Apr 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	50,000
Page No	2	Readership	100,000
Language	Malay	ArticleSize	193 cm <sup>2</sup>
Journalist	DIANA AMIR	AdValue	RM 1,125
Frequency	Weekly	PR Value	RM 3,374



## KWP bantu gelandangan jadi usahawan tani berjaya

**DIANA AMIR**

**HANYA** menggunakan tanah seluas 82,000 kaki persegi di bekas tapak Desa Water Park, 64 gelandangan yang menetap sementara di Pusat Transformasi Gelandangan Anjung Kelana, Kuala Lumpur berjaya menukarkannya kepada kawasan pertanian bandar.

Ia sekali gus menjadikan pembangunan kebun menerusi Program Bantu Gelandangan 2.0 akan meningkatkan taraf hidup gelandangan terlibat.

Kementerian Wilayah Persekutuan dalam satu kenyataan memaklumkan, inisiatif yang dilakukan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah untuk memberi pekerjaan dan membolehkan gelandangan menjana pendapatan sendiri.

"Pada peringkat awal, antara tanaman kontan yang diusahakan adalah kangkung serta keledak yang mudah ditanam dan dalam tempoh tuai yang singkat.

"Selain tanaman kontan sedia ada, tanaman yang dirancang adalah timun (fertigasi), sayur buah (bendi, kacang buncis), sayur daun, bayam, sawi (batas) dan tembikai (batas) yang dijangka boleh dituai dalam masa dua hingga tiga bulan," katanya.


Menurut kenyataan itu, pada masa ini, tanaman kangkung dijangka dapat dituai dalam tem-

poh dua minggu lagi manakala 500 polibeg timun yang ditanam boleh memberikan hasil kira-kira empat hingga enam kilogram bagi satu pokok.

Katanya, tanaman tersebut akan dijual di koperasi-koperasi terpilih di sekitar Kuala Lumpur dengan hasil pendapatannya akan diberikan kepada mereka yang mengusahakan termasuk Persatuan Kebajikan Golongan Asnaf dan Gelandangan Kuala Lumpur dan Selangor (KASGE) yang memberikan latihan dan bimbingan bagi tujuan ini.

Menjelas mengenainya, kenyataan tersebut memaklumkan, ia disebabkan gelandangan menunjukkan minat untuk mengusahakan kebun, projek pertanian atau ladang berskala besar selepas tiga bulan diberi pendedahan dan latihan.

"Pihaknya juga bekerjasama dengan Jabatan Pertanian serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) dalam menggalakkan hasil tanaman serta memberi latihan asas perniagaan.

"DBKL juga sedang mewujudkan aktiviti jualan di Pusat Transformasi Anjung Kelana bagi memasarkan hasil tani gelandangan yang telah memanfaatkan tanah lapang di sekitar pusat transit tersebut dan kawasan sekitar bawah laluan tiang pencawang elektrik berdekatan," katanya. 

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	13

## KPDNHEP tambah sehingga 33 jenis barang terkawal sempena Aidilfitri

**PUTRAJAYA** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menambah sekurang-kurangnya sehingga 33 jenis barangan bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya belum mengumumkan penambahan barangan itu kerana belum ada lagi tekanan terhadap barang-barang tersebut.

“Kita kena adil juga kepada peniaga, kita (kena) bagi mereka peluang. Kalau kita sekat dari sekarang, itu (akan) jadi masalah pada peniaga juga,” katanya dalam sidang akhbar di kementeriannya selepas amanat Perdana Menteri pada Jumaat.

Alexander berkata lagi, kementeriannya prihatin kepada semua pihak iaitu kepada pengguna dan peniaga.

“Dah jelas dalam pengumuman hari pertama 12 jenis barangan ini dulu dan selepas itu kita kenal pasti sehingga 33 barang,” katanya.

Beliau turut meminta agar semua peniaga mematuhi senarai harga barangan yang telah ditetapkan di bawah



**ALEXANDER**

SHMMP Hari Raya Puasa 2021 bagi mengelak dikenakan tindakan penguatkuasaan.

“Skim ini dilaksanakan di semua peringkat iaitu pengeluar, pemborong dan peruncit. Harga ayam dijual dengan harga RM7.10 di peringkat borong dan jika ada yang jual lebih daripada harga tersebut...tindakan akan dikenakan,” katanya.

Pada Isnin lalu, Alexander berkata, pihaknya mengenal pasti sebanyak 12 jenis barangan bagi pelaksanaan SHMMP Hari Raya Puasa 2021.

Alexander berkata, barangan harga terkawal itu terdiri daripada ayam, telur ayam, daging dan hasil laut.

Bagaimanapun, bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub selepas itu tampil mempersoalkan jumlah barangan kawalan yang disenaraikan oleh KPDNHEP sempena musim perayaan Aidilfitri.

Salahuddin berkata, kerajaan boleh melakukan yang lebih baik berkenaan bilangan barangan terkawal untuk membantu rakyat sekiranya menteri berkitan menggunakan kuasa yang ada dengan sebaiknya.